

## **1. PENGENALAN**

Kertas kerja ini adalah inisiatif Jabatan Penjara Malaysia (JPM) dalam mempertingkatkan usaha dalam latihan kemahiran dan peluang pekerjaan serta reintegrasi semula penghuni penjara ke dalam masyarakat. Ianya juga merupakan rujukan kepada majikan-majikan yang ingin bersama-sama membantu penghuni atau Orang DiSelia (selepas ini dirujuk sebagai ODS) dan Orang Diparol (selepas ini dirujuk sebagai ODP) dalam menjalani proses integrasi masyarakat melalui latihan kerjaya dalam pelbagai bidang. Panduan ini merupakan keperluan umum yang perlu disediakan dan dipatuhi oleh majikan dalam melaksanakan Program Reintegrasi Penghuni-Industri (PRP-I) terhadap ODS/ODP.

## **2. OBJEKTIF PELAKSANAAN**

Antara objektif pelaksanaan PRP-I yang perlu ditekankan oleh majikan adalah seperti berikut:

1. Merancang dan membangunkan mekanisme latihan kemahiran kerjaya berkaitan ODS/ODP
2. Bekerjasama dengan jabatan untuk mengkaji dan menyelidik perkara-perkara yang boleh meningkatkan kemahiran kerjaya ODS/ODP; dan
3. Sekiranya perlu, melahirkan tenaga mahir melalui bidang kerja yang ditawarkan oleh majikan kepada ODS/ODP

### **3. KEPERLUAN UMUM PELAKSANAAN**

Dalam merealisasikan perkara ini, majikan perlu memahami konsep sebenar pelaksanaan PRP-I iaitu untuk memberi latihan kerjaya kepada ODS/ODP seterusnya membolehkan ODS/ODP berjaya dalam proses integrasi melalui latihan kerjaya tersebut. Beberapa perkara perlu dititikberatkan oleh majikan dalam melaksanakan program ini adalah dengan memberi perhatian terhadap perkara-perkara berikut:

#### **a. Pemilihan dan Latihan Modal Insan**

Program ini merupakan program latihan kepada ODS/ODP. Sehubungan itu adalah diingatkan bahawa Jabatan Penjara Malaysia akan menyediakan Modal Insan bagi tujuan program PRP-I ini untuk menjalani latihan kemahiran kerjaya manakala majikan bertindak memberi latihan kemahiran kerjaya mengikut syarat-syarat dan jenis latihan yang sesuai kepada ODS/ODP. Proses pemilihan ODP akan dijalankan oleh pihak syarikat bersama Jabatan Penjara Malaysia namun ianya tertakhluk kepada kelulusan lembaga parol, Kementerian Dalam Negeri.

#### **b. Pendaftaran Syarikat**

Semua syarikat majikan yang ingin mengadakan kerjasama dalam program ini hendaklah berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 atau mana-mana perundangan yang berkuatkuasa mengawal syarikat tersebut.

#### **c. Jenis Latihan Kemahiran Kerjaya**

Bagi maksud perkara yang diterangkan di perenggan (a) di atas, majikan perlu menyenaraikan jenis-jenis latihan industri syarikat masing-masing yang bersesuaian untuk dilaksanakan bagi program PRP-I ini mengikut persetujuan jabatan. Antara bidang latihan yang disyorkan adalah (dan tidak terhad kepada) jenis-jenis latihan seperti yang berikut:

- Sektor pembuatan/perkilangan (pelbagai)
- Sektor perladangan dan pertanian
- Sektor automotif
- Sektor produk kraftangan dan kesenian
- Lain-lain sektor yang bersesuaian

Syarikat digalakkan untuk memilih dan melatih minimum 10 ODP dan minimum 20 ODS.

KEPERLUAN	SEKTOR		
	PERKILANGAN/ PEMBUATAN	PERLADANGAN/ PERTANIAN/ AUTOMOTIF/ KRAFTANGAN	TERBUKA
	√	Ditentukan berdasarkan perbincangan dan persetujuan bersama mengikut kesesuaian	Ditentukan berdasarkan perbincangan dan persetujuan bersama mengikut kesesuaian

**d. Elaun ODS/ODP**

Dalam mematuhi undang-undang pekerjaan di Malaysia, majikan perlu memberi imbuhan elaun setimpal kepada ODS/ODP serta kemudahan-kemudahan lain sama seperti pekerja-pekerja mereka yang sedia ada mengikut jumlah yang dipersetujui oleh majikan dan jabatan semasa proses pelaksanaan perjanjian. Jumlah elaun yang diberikan kepada ODS/ODP ialah sebanyak RM 700.00 (3 bulan) bagi tempoh percubaan dan minima RM 1050.00 setelah tamat tempoh percubaan.

**e. Elaun Kakitangan Jabatan**

Pihak majikan sekiranya perlu, hendaklah menyediakan elaun/insentif kepada kakitangan mengikut kadar semasa yang dikuatkuasa oleh pihak kerajaan.

**f. Penginapan dan Pakaian Kerja**

Semasa dalam tempoh latihan ODS/ODP, Majikan perlu menyediakan pakaian kerja dan penginapan kepada ODS/ODP yang mematuhi standard kawalan keselamatan JPM yang sedang berkuat kuasa. Penginapan juga perlu mematuhi prosedur dan selamat diduduki (security & safety).

#### **g. Pengurusan Kebajikan dan Layanan**

Semasa dalam tempoh latihan ODS/ODP majikan perlu sedar akan hak dan keperluan fisiologi ODS/ODP. Oleh itu majikan perlu bersetuju untuk tidak menafikan hak-hak kebajikan dan layanan ODS/ODP serta kemudahan sebagaimana yang mereka perolehi ketika dalam penjara antaranya adalah seperti:

1. Perjumpaan keluarga (luar waktu tugas pada hujung minggu) ;
2. Keperluan rawatan ; serta
3. Hak keperluan asas yang lain sebagaimana yang dinyatakan di dalam Akta dan Peraturan Penjara yang sedang berkuatkuasa.

#### **h. Waktu dan Tempoh Masa Latihan**

Majikan perlu menetapkan tempoh masa dan waktu yang sesuai bagi tujuan latihan ODS/ODP sebagaimana mengikut undang-undang pekerjaan sediada dan persetujuan Jabatan. Masa kerja yang dibenarkan adalah lima (5) atau (6) hari seminggu bermula dari 8.00 pagi hingga 5.00 petang. Majikan perlu mendapatkan persetujuan Jabatan sekiranya memerlukan ODS/ODP menjalani latihan di luar tempoh masa tersebut, bagi tujuan pembangunan kemahiran ODS/ODP. Tempoh percubaan bagi ODS/ODP untuk menjalani latihan adalah selama 3 bulan dan setelah tamat tempoh tersebut ODS/ODP akan diserapkan untuk bekerja secara tetap sekiranya kualiti kerja ODS/ODP memenuhi ekspektasi pihak syarikat. Penilaian akan dijalankan oleh Jabatan Penjara dan pihak syarikat.

#### **i. Keselamatan di tempat kerja/ Skim Perlindungan Insuran.**

Majikan adalah bertanggungjawab untuk menyediakan persekitaran tempat kerja selamat secara optimum serta mematuhi Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 bagi membantu meningkatkan proses kemahiran dan pemulihan ODS/ODP. Bagi tujuan ini, majikan perlu meletakkan ODS/ODP di bawah skim Perlindungan Insuran. Majikan juga perlu melaksanakan 'duty of care' yang sepatutnya dalam mengelakkan ODS/ODP tercedera semasa menjalani program latihan ini. Selain itu, majikan juga perlu membuka akaun KWSP kepada setiap ODS/ODP yang bekerja.

#### **j. Kawalan Keselamatan dan Pengiringan**

Majikan perlu sedar bahawa semasa dalam latihan, ODS/ODP perlu dikawal dan diiringi semasa bertugas dan semasa bergerak pulang atau datang ke tempat kerja/latihan. Sehubungan itu majikan perlu bersedia untuk mematuhi tatacara kawalan keselamatan dan pengiringan ODS/ODP mengikut standard yang telah ditetapkan oleh Jabatan Penjara Malaysia. Bagi tujuan ini majikan hendaklah:

1. Memberi akses kepada personel yang terlibat dalam kawalan dan pengiringan ODS/ODP untuk masuk atau keluar premis latihan. Nisbah kawalan semasa dan selepas waktu kerja adalah ditentukan oleh jabatan.
2. Majikan juga perlu bersetuju untuk menyediakan persekitaran atau perimeter tempat kerja yang selamat (perimeter tempat kerja dan asrama secara berpagar dan bersekuriti minimum)
3. Kemudahan dan peralatan keselamatan lain termasuk CCTV
4. Kemudahan *Electronic Monitoring Device (EMD)*. (sekiranya perlu)

Kos pelaksanaan ini (kecuali di para 4) perlu ditanggung oleh majikan. Bagi perkara di para 4, kemudahan akan disediakan oleh Jabatan, walaubagaimanapun pihak jabatan mengalu-alukan sekiranya pihak majikan bersetuju menanggung kos tersebut.

#### **k. Jarak Dari Pusat latihan dan Penginapan**

Majikan perlu memastikan jarak tempat kerja dan penginapan ODS/ODP adalah berada dalam radius yang dibenarkan oleh jabatan iaitu dalam lingkungan tidak melebihi 40 kilometer. Walaubagaimanapun adalah digalakkan majikan menyediakan penginapan dan tempat kerja yang berhampiran.

#### **l. Tempat Transit ODS/ODP**

Pihak majikan perlu menyediakan ruang kabin atau kawasan yang khusus untuk ODS/ODP berkumpul, mengambil sarapan pagi, rehat makan tengahari dan ruang solat, juga sebagai pejabat hal ehwal pengurusan ODS/ODP. Ini bagi menjamin pengurusan keselamatan ODS/ODP yang optimum.

**m. Peralatan Kerja & Keselamatan(Safety) Pekerja**

Pihak majikan hendaklah menyediakan, membekal dan menyelenggara semua peralatan kerja yang diperlukan sepanjang tempoh latihan. Sekiranya ODS/ODP perlu mengendalikan peralatan mesin dan jentera, maka pihak majikan hendaklah menyediakan latihan secukupnya bagi pengendalian (*manoeuvre training*) peralatan tersebut.

Pihak majikan hendaklah memastikan piawaian keselamatan pekerja menepati kehendak Jabatan keselamatan dan kesihatan Pekerja (JKKP) serta membekalkan *Personal Protective Equipment (PPE)* yang bersesuaian dengan kerja.

**n. Peluang Kemajuan Kerjaya**

Bagi tujuan kemajuan kerjaya ODS/ODP, majikan boleh mengekalkan ODS/ODP menjalani latihan/pekerjaan selepas pembebasan. Ini boleh dilakukan setelah majikan berpuas hati dengan pematuhan syarat-syarat dan penandaaras 'performance' yang telah ditetapkan bagi membolehkan ODS/ODP meneruskan pekerjaan. ODS/ODP yang mempunyai tempoh hukuman yang lama hendaklah diserap dan mengikuti program latihan kemahiran SLDN (modul woodwork). Urusan kerja dan syarat-syarat pekerjaan yang lain setelah mereka dibebaskan adalah dibawah budibicara majikan dan bukan lagi dibawah urusan jabatan memandangkan mereka bukan lagi berada di bawah *legal custody* jabatan.

**o. Pengangkutan**

Majikan hendaklah menyediakan perkhidmatan pengangkutan serta kenderaan, mengikut standard keselamatan yang telah ditetapkan oleh JPM bagi tujuan pergerakan ODS/ODP dan kakitangan yang terlibat pergi atau pulang dari tempat latihan. Kos perlu ditanggung oleh pihak majikan.

**p. Memorandum of understanding**

Bagi tujuan kerjasama untuk tempoh jangka panjang, dan juga bagi tujuan penetapan perkara yang dinyatakan di perenggan 3 (a hingga o), majikan digalakkan untuk membuat perjanjian persefahaman melalui memorandum persefahaman (MoU) antara majikan dan Jabatan. Ini adalah bagi menjaga

kepentingan kedua-dua belah pihak sepanjang tempoh latihan berlangsung. Ia juga bagi membolehkan perbincangan lanjut dan analisa risiko di ambil kira bagi tujuan ini, agar PRPI ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak.

## **5. PENUTUP**

Adalah diharapkan dengan adanya program yang seumpama ini, ia akan memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat. ODS/ODP yang berjaya mengikuti program ini dengan baik memanfaatkan peluang kedua, kembali kepada keluarga dan masyarakat menjadi warga yang berguna sekali gus mengurangkan kadar residivis. Pihak majikan yang terlibat mendapat manfaat melalui peningkatan tenaga kerja tempatan yang boleh membantu menurunkan kos pengambilan tenaga kerja asing seterusnya mendapat manfaat hasil daripada sumbangan sosial yang dilaksanakan dalam sistem koreksional negara. Jabatan Penjara Malaysia akan dapat merealisasikan kaedah pemulihan dalam komuniti yang telah terbukti berimpak tinggi dan menjimatkan kos pengurusan kerajaan.